



JABATAN PELAJARAN KELANTAN
JALAN DOKTOR,
15000 KOTA BHARU,
KELANTAN DARUL NAIM

[Unit kokurikulum:09-7418106] [Fax: 09-7448248]



Ruj. Kami : JPkn/SPPK/1604/01/10 (94)
Tarikh : 7 September 2009
Bersamaan : 8 Syawal 1430 H

Guru Besar
Sekolah-Sekolah Rendah Negeri Kelantan

Tuan,

**PENILAIAN ANUGERAH PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI TANDA CEMERLANG
RAMBU PENGAKAP KANAK-KANAK 2009**

Dengan hormatnya Surat Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Kelantan PLN/R-PKK/2/(85) bertarikh 03 September 2009 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Kelantan akan mengadakan Penilaian Anugerah Pesuruhjaya Pengakap Negeri pada **14 hingga 17 Oktober 2009 bertempat di Kem Kijang, Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan.**

3. Schubungan itu tuan dikhendaki menghantar pasukan pengakap sekolah tuan untuk Penilaian Anugerah Pesuruhjaya Pengakap Negeri Tanda Cemerlang Rambu Pengakap Kanak-Kanak 2009. Bersama-sama ini disertakan surat „Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Kelantan untuk tindakan tuan selanjutnya.

4. Untuk makluman tuan segala makan minum, penginapan ditanggung oleh pihak penganjur.

Kerjasama dan sokongan tuan dalam hal ini diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah

ABDULLAH BIN YUSOFF
Penolong Pengarah (Kokurikulum)
Unit Kokurikulum
Jabatan Pelajaran Kelantan
b.p Pengarah Pelajaran Kelantan

s.k. Pengarah Pelajaran Kelantan
Timbalan Pengarah Pelajaran Kelantan
Ketua Sektor Pengurusan Kemanusiaan
Fail timbul



**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
NEGERI KELANTAN**

AKTA PARLIMEN NO. 38 TAHUN 1968 DAN 143/1974
MAJLIS PENGAKAP NEGERI KELANTAN
WISMA PENGAKAP KEM KIJANG,
JALAN PANTAI CAHAYA BULAN,
15350 KOTA BHARU, KELANTAN DARUL NAIM,
TEL: 09-774 3841 / 09-774 4815 FAX: 09-774 4815
E-MAIL: scoutskn@streamyx.com
LAMAM WEB: www.seoutkn.org



Ruj. Kami : PLN/R-PKK/2/(85)
Tarikh : 3 SEPT 2009

Kepada
Ybs Pengarah Pelajaran,
Jabatan Pelajaran Kelantan,
Jalan Doktor,
15000 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim.
(UP: Ketua Sektor –
Sektor Pengurusan dan Pembangunan Kemerusiaan)

Tuan

**PENILAIAN ANUGERAH PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI
TANDA CEMERLANG RAMBU PENGAKAP KANAK-KANAK 2009**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Kelantan akan mengadakan Penilaian Anugerah Pesuruhjaya Pengakap Negeri sebagaimana butiran berikut :


Tarikh : **14 HINGGA 17 OKTOBER 2009**
Tempat : **KEM KIJANG , JALAN PCB , KOTA BHARU**

3. Sehubungan dengan itu , pihak kami memohon surat pekeliling mengenai Penilaian tersebut untuk edaran kepada semua Kumpulan Pengakap Kanak-Kanak Sekolah Rendah seluruh Negeri Kelantan. Bersama-sama ni dikembarkan maklumat mengenai Penilaian tersebut.

Perhatian dan tindakan lanjut dari pihak tuan amat dihargai dan dicahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN'
'PENGAKAP KELANTAN CEMERLANG'
'1 PENGAKAP 1 MALAYSIA'**

Saya yang menandatangani tugas
Persekutuan Pengakap Malaysia
Negeri Kelantan,


SHAIKH FADILAH BIN SHAIKH HARUN
Pesuruhjaya Pengakap
Negeri Kelantan.

Sk - Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
- Setiausaha Latihan Negara
- Pengerusi Majlis Pengakap Negeri Kelantan
- Setiausaha Majlis Pengakap Negeri Kelantan



**PENILAIAN DAN PERUJIAN
ANUGERAH PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI
RAMBU PENGAKAP KANAK-KANAK**

MAKLUMAT PENILAIAN DAN PERUJIAN ANUGERAH

Nama Aktiviti	:	Penilaian Dan Perujian Anugerah Pesuruhjaya Pengakap Negeri Tanda Cemerlang Rambu Pengakap Kanak-Kanak
Anjuran Bersama	:	Jabatan Pelajaran Kelantan dan Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Kelantan
Kelolaan	:	AJK Unit Program Pengakap / Unit Pengakap Kanak-Kanak
Tarikh	:	14 Hingga 17 Oktober 2009 (Rabu – Sabtu)
Tempat	:	Kem Kijang , Jalan PCB , Kota Bharu
Sasaran	:	Semua Ahli Pengakap Kanak-Kanak Sekolah Rendah Negeri Kelantan (Sila Rujuk Syarat Penyertaan)
Pendaftaran Peserta	:	10.00 Pagi hingga 01.00 Petang Rabu 14 Oktober 2009
Perujian Bermula	:	Rabu 14.10.2009 / 02.30 Petang
Perujian Tamat	:	Sabtu 17 Oktober 2009 / 02.00 Petang
Yuran Pendaftaran	:	RM 30.00 seorang Ahli Pengakap (Makan Minum / Sijil / Rambu Tanda Cemerlang)
Bayaran	:	Tunai semasa pendaftaran / cek atas nama "MAJLIS PENGAKAP NEGERI KELANTAN"
Syarat Penyertaan	:	

1. Terbuka kepada semua Kumpulan Pengakap Kanak-Kanak yang berdaftar.
2. Terbuka kepada Ahli Pengakap Kanak-Kanak (lelaki dan perempuan) yang sedang menuntut di Tahun 5 dan Tahun 6 sahaja dan telah lulus Lencana Keris Emas 3 bulan sebelum tarikh Penilaian Rambu 2009.
3. Mempunyai pakaian seragam Pengakap yang lengkap.
4. Mempunyai Buku Log yang lengkap dan disahkan oleh Pesuruhjaya Pengakap Daerah atau Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah (Unit PKK).

5. Membawa sendiri peralatan seperti pinggan plastik / gelas plastik / alas tidur / alat hias diri / ubat-ubatan kegunaan sendiri dan lain-lain yang difikirkan perlu.
6. Mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa / penjaga.
7. Setiap Kumpulan Pengakap diminta membawa set peralatan memasak untuk Perujian Menyediakan Minuman Petang sebagaimana berikut :
 - 7.1 Cerek
 - 7.2 Periuk
 - 7.3 Kualiti
 - 7.4 Sudip
 - 7.5 Pisau
 - 7.6 Senduk
 - 7.7 Sudu
 - 7.8 Kayu Api
 - 7.9 Set Peralatan untuk menghidang / hiasan
 - 7.10 Lain-lain peralatan yang difikirkan perlu(Setiap set peralatan untuk perujian Menyediakan Minuman Petang adalah untuk Maksima 6 hingga 8 orang Ahli Pengakap Kanak-Kanak sahaja)
8. Bagi Penilaian Kraftangan , setiap peserta dikehendaki membawa bahan dan peralatan bagi membuat Wau Cantik sebagaimana berikut :
 - 8.1 Bilah-bilah buluh yang telah diraut. Bentuk dan ukuran Wau Cantik adalah bebas.
 - 8.2 Kertas warna yang belum diproses untuk tujuan hiasan.
 - 8.3 Gunting / pisau / gam / benang
 - 8.4 Lain-lain peralatan dan bahan yang difikirkan perlu.
9. Setiap peserta juga hendaklah mempunyai sahsiah diri dan berkelakuan baik serta dapat menunjukkan sikap kepimpinan yang boleh diikuti.

